

Pelancongan tidak terjejas kerana PRU-13

GENTING HIGHLANDS 12 Mei - Ke-hadiran pelancong tetap menggalakkan pada musim Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) lalu, secara tidak langsung memperlihatkan keberkesanan sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia.

Ketua Pengarah Tourism Malaysia, Datuk Mirza Mohammed Tai-yab berkata, paling mendapat respon memberangsangkan ketika PRU-13 adalah industri pelancongan domestik.

"Kami sedang berusaha melakukan pelbagai inisiatif bagi menarik lebih ramai pelancong asing dan domestik untuk program Tahun Melawat Malaysia pada tahun hadapan.

"Orang ramai di luar sana turut dapat membantu usaha kami ini dengan mengamalkan kehidupan aman dan harmoni serta tidak menyertai sebarang demonstrasi," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Program Wings of Kuala Kubu Bharu (KKB) 2013: Selangor Bird Race di sini, hari ini.

Program anjuran Majlis Daerah Hulu Selangor dengan kerjasama Resort World Genting sebagai penaja utama buat kali kedua itu berlangsung selama tiga hari bermula Jumaat lalu.

Sementara itu, Naib Presiden Ka-nan Perhubungan Awam dan Komunikasi Resort World Genting, Da-tuk Anthony Yeo berkata, objektif program tersebut adalah bagi memupuk kesedaran orang ramai kepentingan menjaga alam sekitar melalui aktiviti memerhati burung.

"Pelbagai aktiviti dianjurkan bagi



ANTHONY Yeo (berdiri lima kanan) bersama Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor, Tukiman Nail (berdiri dua kanan) di Awana Resort Genting Highlands, semalam.

mempromosikan Genting High-lan-ds sebagai antara lokasi pemerhati burung di negara ini.

"Dengan pengajuran ini juga akan mengukuhkan imej Genting Highlan-

ds sebagai kawasan yang kaya dengan flora dan fauna," katanya.

Menurut beliau, pelbagai spesies burung boleh didapati di kawasan itu seperti enggang papan (*great horn-*

bill), enggang badak (*rhinoceros hornbill*), burung takur api (*fire-tufted barbet*) dan burung kesumba gunung (*red-headed trogon*).

Sementara itu, tiga pelajar Uni-

versiti Putra Malaysia (UPM) muncul juara pertandingan tersebut setelah berjaya mengesan sebanyak 58 spesies burung dalam tempoh yang ditetapkan.